

Headline	Kenang jasa Karim		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	53	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	438 cm <sup>2</sup>
Journalist	Siraj Mohd Zaini	AdValue	RM 16,114
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,342



# Kenang jasa Karim

## ■ MPI hulur sumbangan kepada keluarga bekas wartawan

Oleh Siraj Mohd Zaini  
siraj@mediaprima.com.my  
Kuala Lumpur

Sebagai menghargai sumbangan bekas wartawan Harian Metro dan Berita Harian Allahyarham Karim Sulaiman, Institut Akhbar Malaysia (MPI) menghulurkan sumbangan honorarium dan buku berjudul 'Membongkar Penyelewengan, Mencari Kebenaran' Edisi Kedua kepada keluarga Allahyarham.

Sumbangan buku berkenaan adalah kompilasi karya pemenang Anugerah Kaji antara 1982 hingga 2012 yang turut memuatkan karya Allahyarham berjudul 'Masalah Kepincangan Lembaga Tabung Haji' hingga dinobatkan

sebagai pemenang anugerah berkenaan pada 2001.

Penyerahan honorarium dan lima naskhah buku itu disampaikan Setiausaha dan Bendahari MPI Datuk Mustapa Omar yang juga Pengarang Kumpulan Harian Metro ketika membuat kunjungan ziarah di kediaman Allahyarham di Seri Gombak, kelmarin.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif MPI Datuk Chamil Wariya, Pengurus Pemasaran dan Pembangunan Nazatul Shima Sulaiman, Pengurus Hal Ehwal Korporat, Norlida Jamain dan Penyelaras Anugerah Salman Husni Abdollah.

Balu Allahyarham Siti Hawa ketika ditemui menceritakan kehidupannya diteruskan seperti

biasa bersama enam anak berusia antara 17 dan 25 tahun.

Siti Hawa turut melahirkan penghargaan dan terharu atas kunjungan MPI dan sumbangan diberikan.

Katanya, anak sulung mereka kini sudah bekerja manakala anak bongsu menunggu panggilan melanjutkan pelajaran dalam bidang Asasi Sains di Universiti Teknologi Mara (UiTM).


Menurutnya, seorang anaknya turut mengikuti jejak langkah Allahyarham sebagai wartawan di The New Straits Ti-

mes Press Malaysia Berhad (NS-TP).

Allahyarham Karim, 52, meninggal dunia pada 17 Februari lalu akibat Scleromyxoedema iaitu sejenis penyakit kulit yang dideritai sejak tahun 2000 lalu.

Sepanjang tempoh perkhidmatannya bersama BH sejak 1985, Allahyarham adalah seorang penulis prolific di dalam hal ehwal semasa dan isu mengenai gaya hidup.

Allahyarham juga pernah berkhidmat di United Kingdom sebagai Koresponden BH antara 1995 hingga 1998.



Headline	Kenang jasa Karim		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	53	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	438 cm <sup>2</sup>
Journalist	Siraj Mohd Zaini	AdValue	RM 16,114
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,342



MUSTAPA (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan lima naskhah buku kompilasi karya Pemenang Anugerah Kajai, Membongkar Penyelewengan Mencari Kebenaran - Edisi Kedua kepada Siti Hawa sambil diperhatikan Chamil (kanan). Turut hadir (dari kiri) Nuzatul Shima Sulaiman, wakil MPI Norlida Jamain dan anak bongsu Karim, Khair Naqib.